

IMPLIKASI PERWALIAN TIDAK SAH TERHADAP KESAHAN PERKAHWINAN: ANALISIS KES FARAQ DI NEGERI SEMBILAN

IMPLICATIONS OF INVALID GUARDIANSHIP ON THE VALIDITY OF MARRIAGE: AN ANALYSIS OF FARAQ CASES IN NEGERI SEMBILAN

^{i,ii,*}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱMohamad Aniq Aiman Alias & ^{i,ii}Hasnizam Hashim

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: wanfattah@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 2 February 2026
 Received in revised form: 8 May 2026
 Acceptance date: 15 July 2026
 Available online: 31 July 2026

Keywords:

Guardianship, faraq, illegitimate child, lineage, marriage validity, perwalian, anak tidak sah taraf, nasab, kesahan perkahwinan

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Wan Ismail, W. A. F., Alias, M. A. A., & Hashim, H. (2026). Implikasi perwalian tidak sah terhadap kesahan perkahwinan: Analisis kes faraq di Negeri Sembilan: Implications of invalid guardianship on the validity of marriage: An analysis of faraq cases in Negeri Sembilan. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 3(1), 41-51.
<https://doi.org/10.33102/xqh77h83>



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

SDG Elements:

Peace, Justice and Strong Institutions



ABSTRAK

Guardianship (*wali*) is one of the main pillars of *akad nikah* (marriage solemnisation) that determines the validity of a marriage under Islamic law. Defects in the aspect of guardianship, particularly when the *akad nikah* is performed by an individual who does not have a valid lineage (*nasab*) relationship, can result in the marriage being ordered for *faraq* (annulment) by the Syariah Court. This study aims to analyse the implications of using an invalid guardian on the validity of marriage by examining legal provisions, principles of Islamic law, and the application of *faraq* cases in Negeri Sembilan. The methodology of this study employs a qualitative approach through document analysis involving *fiqh* sources, the Islamic Family Law (State of Negeri Sembilan) Enactment 2003, Syariah Court judgments, and related scholarly works. The findings indicate that cases of guardianship involving illegitimate children still occur due to poor public understanding of the laws of lineage and guardianship, non-comprehensive pre-marital module content, as well as laxities in the verification mechanism of guardian status and law enforcement. This situation not only affects the validity of the *akad nikah*, but also brings negative implications for the establishment of lineage, family rights, and the preservation of *Maqasid al-Syariah*, particularly *hifz al-nasl* (protection of lineage). This study proposes that the mechanism for verifying guardian status be strengthened, pre-marital education content be refined, and cooperation between religious institutions, the judiciary, and related agencies be enhanced to ensure that every *akad nikah* is executed in accordance with Islamic requirements and enforced legal provisions.

ABSTRAK

Perwalian merupakan salah satu rukun utama akad nikah yang menentukan kesahan sesuatu perkahwinan menurut hukum syarak. Kecacatan dari aspek perwalian, khususnya apabila akad nikah dilaksanakan oleh individu yang tidak mempunyai hubungan nasab yang sah, boleh mengakibatkan perkahwinan tersebut diperintahkan *faraq* oleh Mahkamah Syariah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis implikasi penggunaan wali yang tidak sah terhadap kesahan perkahwinan dengan meneliti peruntukan perundangan, prinsip hukum syarak, serta aplikasi kes *faraq* di Negeri Sembilan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen yang melibatkan sumber fiqh, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, penghakiman Mahkamah Syariah, dan karya ilmiah berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kes perwalian anak tidak sah taraf masih berlaku akibat kelemahan kefahaman masyarakat mengenai hukum nasab dan perwalian, kandungan modul praperkahwinan yang kurang komprehensif, serta kelonggaran mekanisme pengesahan status wali dan penguatkuasaan undang-undang. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesahan akad nikah, malah memberikan implikasi negatif terhadap pensabitan nasab, hak kekeluargaan, dan pemeliharaan *Maqasid al-Syariah*, khususnya *hifz al-nasl*. Kajian ini mencadangkan agar mekanisme pengesahan status wali diperkukuh, kandungan pendidikan praperkahwinan diperkemas, dan kerjasama antara institusi agama, badan kehakiman, serta agensi berkaitan dipertingkatkan bagi memastikan setiap akad nikah dilaksanakan mengikut kehendak syarak dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pengenalan

Institusi perkahwinan merupakan asas pembentukan keluarga dalam Islam yang disyariatkan bagi memelihara *Maqasid al-Syariah*, khususnya pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*), pemeliharaan maruah, serta pembentukan kehidupan berkeluarga yang harmonis berteraskan elemen sakinah, mawaddah, dan rahmah (Ismail & Awang Mat, 2016). Bagi memastikan matlamat tersebut dapat direalisasikan, sesuatu akad nikah hendaklah memenuhi semua rukun dan syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak (Wan Ismail *et al.*, 2021a). Antara rukun yang mempunyai kedudukan penting ialah kewujudan wali yang sah, kerana keabsahan akad nikah bergantung kepada kelayakan pihak yang melaksanakan perwalian.

Kecacatan pada aspek perwalian boleh menyebabkan sesuatu akad nikah kehilangan status kesahannya menurut hukum syarak. Keadaan ini lazim berlaku apabila seseorang yang tidak mempunyai hubungan nasab yang diiktiraf bertindak sebagai wali, termasuk dalam kes yang melibatkan anak tidak sah taraf. Implikasi daripada keadaan tersebut bukan sahaja menyentuh kesahan perkahwinan, bahkan turut memberi kesan terhadap pensabitan nasab, hak-hak kekeluargaan serta pelbagai implikasi perundangan yang lain. Dalam situasi tertentu, Mahkamah Syariah boleh memerintahkan pembubaran perkahwinan melalui mekanisme *faraq* bagi memulihkan kedudukan hukum pihak-pihak yang terlibat.

Isu ini wajar diberikan perhatian memandangkan jumlah kelahiran anak tidak sah taraf di Malaysia masih menunjukkan angka yang membimbangkan, sekali gus meningkatkan kemungkinan berlakunya kesilapan dalam penentuan wali semasa akad nikah. Sehubungan itu, artikel ini meneliti implikasi perwalian yang tidak sah terhadap kesahan perkahwinan dengan memberi fokus kepada amalan dan kes-kes di Negeri Sembilan. Perbincangan turut menilai faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya isu tersebut serta keberkesanan kerangka perundangan sedia ada dalam menangani permasalahan berkaitan.

Definisi *Faraq* Perkahwinan

Dari sudut bahasa, istilah *faraq* berasal daripada kata dasar "*faraqa*", manakala kata terbitannya ialah "*afriq*" yang membawa maksud memisahkan, mengasingkan atau membubarkan sesuatu hubungan (Ibrahim Mustafa *et al.*, 1989). Dalam penggunaan al-Quran, perkataan *faraq* turut digunakan bagi menggambarkan berlakunya perpisahan atau perceraian antara suami dan isteri (Wan Ismail *et al.*, 2021b). Hal ini dapat diperhatikan menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 130:

Terjemahan: Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Maha Bijaksana.

(Surah Al-Nisa', 4:130)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa perpisahan bukanlah suatu keadaan yang di luar ketentuan syariat, bahkan Islam turut menyediakan penyelesaian sekiranya kehidupan berumah tangga tidak lagi dapat diteruskan. Pada masa yang sama, Allah SWT memberi jaminan bahawa setiap pihak akan dikurniakan kecukupan daripada limpah rahmat dan kurniaanNya.

Dari sudut istilah pula, konsep *faraq* yang dihuraikan oleh para fuqaha pada asasnya tidak jauh berbeza daripada pengertiannya dari aspek bahasa. Secara umumnya, *faraq* merujuk kepada pembubaran atau penamatan ikatan perkahwinan sama ada melalui lafaz talak ataupun melalui mekanisme lain yang diiktiraf oleh syarak. Menurut Zaydan (2012), *faraq* ialah tindakan menamatkan hubungan perkahwinan antara suami dan isteri berdasarkan sebab-sebab yang dibenarkan oleh hukum syarak, sama ada melalui talak, fasakh atau bentuk pembubaran yang lain. Definisi ini memperlihatkan bahawa istilah *faraq* mempunyai skop yang lebih luas berbanding talak kerana ia merangkumi semua bentuk pembubaran perkahwinan yang diiktiraf dalam hukum Islam.

Walau bagaimanapun, dalam konteks perundangan keluarga Islam di Malaysia, penggunaan istilah *faraq* lazimnya mempunyai pengertian yang lebih khusus. Istilah ini kebiasaannya digunakan bagi merujuk kepada pembubaran sesuatu perkahwinan yang berlaku bukan melalui talak, seperti pembubaran melalui fasakh, pembatalan nikah atau bentuk-bentuk pemisahan lain yang diperuntukkan oleh undang-undang. Justeru, walaupun konsep *faraq* dalam fiqh merangkumi semua bentuk keputusan ikatan perkahwinan, pemakaiannya dalam sistem perundangan Islam di Malaysia lebih tertumpu kepada pembubaran perkahwinan selain talak.

Sebab-Sebab Mahkamah Memerintahkan *Faraq* Perkahwinan

Faraq merupakan suatu mekanisme yang diperuntukkan oleh syarak bagi membubarkan atau memisahkan sesuatu perkahwinan yang didapati tidak memenuhi rukun dan syarat sah akad nikah (Wan Ismail *et al.*, 2018). Bidang kuasa untuk menentukan kesahan sesuatu perkahwinan terletak pada Mahkamah Syariah setelah meneliti fakta, keterangan dan hukum yang berkaitan. Sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu akad nikah mengandungi kecacatan yang menjejaskan kesahannya, maka perintah *faraq* boleh dikeluarkan bagi menamatkan hubungan perkahwinan tersebut.

Terdapat pelbagai keadaan yang boleh menyebabkan sesuatu perkahwinan diperintahkan *faraq* (Khairani, 2020). Antaranya ialah perkahwinan yang melibatkan pasangan yang mempunyai hubungan mahram, perkahwinan dengan perempuan yang masih berada dalam ikatan perkahwinan dengan lelaki lain, perkahwinan yang melibatkan pasangan bukan Islam tanpa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan syarak, perkahwinan yang menyebabkan seseorang lelaki mempunyai lima orang isteri dalam satu masa, serta perkahwinan yang dilangsungkan menggunakan wali yang tidak mempunyai kelayakan syarie. Selain itu, terdapat juga beberapa keadaan lain yang boleh membawa kepada keputusan yang sama bergantung kepada fakta sesuatu kes.

Walau bagaimanapun, perbincangan ini hanya memfokuskan kepada isu *faraq* akibat kecacatan pada rukun wali, khususnya perkahwinan yang diakadnikahkan oleh wali yang tidak sah menurut hukum syarak. Keadaan ini lazim berlaku dalam kes anak yang tidak sah taraf apabila bapa biologinya bertindak sebagai wali sedangkan hak pewalian tersebut sebenarnya tidak diiktiraf oleh syarak. Oleh itu, perkahwinan tersebut dianggap tidak memenuhi salah satu rukun nikah dan perlu diperbetulkan melalui proses *faraq* sebelum akad nikah yang baharu dilaksanakan menggunakan wali yang sah.

Pensyariatan *faraq* memperlihatkan kesempurnaan syariat Islam dalam memelihara institusi kekeluargaan, menjaga keturunan serta memastikan setiap perkahwinan berlangsung berasaskan hukum yang sah. Antara hikmah utama pensyariatan *faraq* adalah seperti berikut:

- i. *Faraq* berperanan menghilangkan keraguan terhadap status kesahan sesuatu perkahwinan. Dalam keadaan pasangan suami isteri meragui kesempurnaan akad nikah yang telah dilaksanakan, mereka boleh mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Syariah untuk mendapatkan pengesahan. Sekiranya Mahkamah memutuskan bahawa akad tersebut tidak memenuhi kehendak syarak, perintah *faraq* akan dikeluarkan dan pasangan diberi peluang untuk melangsungkan akad nikah yang baharu mengikut prosedur yang sah. Langkah ini memastikan hubungan suami isteri terus berlangsung atas asas yang diyakini serta bebas daripada sebarang syubhah.
- ii. *Faraq* turut berfungsi memelihara status nasab dan kedudukan anak. Dalam keadaan seseorang perempuan dinikahkan oleh wali yang tidak mempunyai hak pewalian, anak yang lahir hasil hubungan tersebut dikategorikan sebagai anak *wati' syubhah*. Setelah perkahwinan tersebut difaraqkan dan akad nikah baharu disempurnakan mengikut hukum syarak, anak-anak yang lahir selepas itu memperoleh status anak sah taraf. Implikasinya, mereka mempunyai hak-hak syarie seperti dinasabkan kepada bapa, menerima pewarisan harta, serta boleh dinikahkan oleh bapa kandung apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- iii. *Faraq* menjadi instrumen syarak untuk menghentikan sesuatu hubungan yang bercanggah dengan hukum Islam. Perkahwinan yang tidak memenuhi rukun atau syarat sah, seperti perkahwinan sesama mahram termasuk mahram susuan atau perkahwinan yang melibatkan wali yang tidak sah, tidak boleh dibiarkan berterusan. Justeru, perintah *faraq* bertujuan mengelakkan pasangan terus hidup sebagai suami isteri dalam keadaan yang bertentangan dengan ketetapan syarak serta memelihara agama daripada berlakunya kemungkaran.
- iv. Pensyariatan *faraq* memberikan ruang untuk memperbetulkan semula susur galur keturunan (*nasab*) dan kedudukan hukum seseorang. Sebagai contoh, seorang anak tidak sah taraf yang tidak mengetahui status sebenar dirinya mungkin telah dinikahkan oleh bapa biologinya. Oleh kerana bapa tersebut tidak mempunyai hak menjadi wali menurut syarak, akad nikah yang berlangsung adalah tidak sah kerana berlaku kecacatan pada salah satu rukun nikah. Dalam keadaan ini, *faraq* membolehkan perkahwinan tersebut diperbetulkan melalui akad nikah yang baharu menggunakan wali hakim sebagai wali yang sah. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kesahan perkahwinan, bahkan turut memelihara ketertiban hukum berkaitan nasab dan pewalian sebagaimana yang ditetapkan oleh syariat Islam.

Secara keseluruhannya, pensyariatan *faraq* bukan sekadar bertujuan membubarkan sesuatu perkahwinan yang tidak sah, bahkan berfungsi sebagai mekanisme pembetulan (*corrective mechanism*) bagi memelihara maqasid syariah, khususnya dalam aspek menjaga agama (*hifz al-din*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan maruah (*hifz al-'ird*). Melalui mekanisme ini, setiap kecacatan yang berlaku dalam akad nikah dapat diperbetulkan mengikut saluran kehakiman, sekali gus menjamin kesucian institusi perkahwinan serta kepastian hukum bagi semua pihak yang terlibat.

***Faraq* Perkahwinan dalam Kes Perwalian Perkahwinan Anak Tak Sah Taraf**

Definisi Wali dan Peranannya dalam Perkahwinan

Dari sudut bahasa, istilah wali membawa maksud orang yang mempunyai hubungan rapat, memberikan perlindungan, pertolongan dan kasih sayang. Dari perspektif istilah syarak pula, wali ialah individu yang diberikan kuasa atau autoriti untuk mengurus dan membuat keputusan terhadap urusan seseorang yang berada di bawah tanggungannya menurut ketetapan hukum Islam (Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha, 1996). Dalam konteks perkahwinan, wali merupakan pihak yang mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan akad nikah bagi perempuan yang berada di bawah perwaliannya dengan syarat memenuhi segala kelayakan yang ditentukan oleh syarak. Oleh itu, kuasa tersebut bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada syarat-syarat yang telah digariskan oleh hukum syarak (Al-Zuhailiy, 2007).

Kedudukan wali dalam akad nikah merupakan antara rukun asas yang menentukan kesahan sesuatu perkahwinan. Justeru, majoriti fuqaha' bersepakat bahawa akad nikah yang dilangsungkan tanpa wali yang sah adalah tidak memenuhi kehendak syarak. Ketetapan ini disandarkan kepada beberapa dalil daripada al-Sunnah, antaranya sabda Rasulullah SAW:

Terjemahan: Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal. Jika suami telah menyetubuhinya, maka wanita tersebut berhak menerima mahar sebagai balasan terhadap persetubuhan yang telah berlaku. Sekiranya timbul pertikaian, maka pemerintah menjadi wali bagi mereka yang tidak mempunyai wali.

(At-Tirmidhi, 1975, No. Hadis 1102)

Hadis ini menunjukkan bahawa kewujudan wali bukan sekadar memenuhi tuntutan prosedur akad, bahkan merupakan syarat yang memberi implikasi langsung terhadap kesahan sesuatu perkahwinan. Dalam keadaan seseorang perempuan tidak mempunyai wali yang layak menurut syarak atau berlaku halangan tertentu terhadap wali nasab, maka kuasa perwalian berpindah kepada pemerintah atau wali hakim sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

Kepentingan institusi wali turut diterjemahkan dalam kerangka perundangan Islam di Malaysia. Sebagai contoh, Seksyen 7(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan hendaklah dilangsungkan mengikut hukum syarak melalui salah satu daripada kaedah berikut:

- a) wali di hadapan Ketua Pendaftar atau Pendaftar;
- b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Ketua Pendaftar atau Pendaftar; atau
- c) Ketua Pendaftar atau Pendaftar sebagai wakil wali.

Peruntukan tersebut memperlihatkan bahawa kehadiran wali yang sah merupakan elemen penting dalam memastikan sesuatu akad nikah diiktiraf oleh hukum syarak dan undang-undang. Secara umumnya, wali dalam perkahwinan boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu Wali Hakim, Wali Mujbir dan Wali Ikhtiar. Wali Hakim atau Wali Raja berperanan menggantikan wali nasab dalam keadaan tertentu seperti ketiadaan wali yang sah, wali enggan, wali tidak dapat dikesan, berada pada jarak yang menyukarkan pelaksanaan akad atau dalam kes-kes tertentu seperti anak yang tidak mempunyai nasab yang diiktiraf syarak. Sebaliknya, Wali Mujbir dan Wali Ikhtiar ialah wali daripada keturunan atau wali nasab yang mempunyai hubungan darah yang sah dengan perempuan yang hendak dikahwinkan.

Selaras dengan itu, Seksyen 7(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan bahawa:

Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang tidak mempunyai wali daripada nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.

Sementara itu, tafsiran Seksyen 2 menjelaskan bahawa Wali Raja ialah wali yang diberikan tauliah oleh Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja bagi negeri-negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab. Dalam seksyen yang sama, istilah nasab ditafsirkan sebagai hubungan keturunan yang lahir daripada pertalian darah yang sah menurut hukum syarak.

Gabungan peruntukan Seksyen 2 dan Seksyen 7(2) dengan jelas menunjukkan bahawa perundangan Islam mengiktiraf hanya wali yang mempunyai hubungan nasab yang sah atau wali Raja yang diberi kuasa menurut undang-undang. Oleh itu, penggunaan individu yang tidak mempunyai hak perwalian menurut syarak akan menjejaskan kesahan akad nikah dan boleh membawa kepada tindakan pemisahan kehakiman (*faraq*) apabila perkara tersebut diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Aplikasi prinsip tersebut dapat diperhatikan dalam kes *Mohammed Khafidz Bin Mohamad Ishak lwn Rabiah Bt Sabri* (Kes Mal Bil.: 10200-012-0048-2011). Dalam kes ini, kedua-dua pihak telah bernikah pada 27 Januari 2011 di Wilayah Songkhla, Thailand dengan menggunakan Wali Hakim yang dikenali sebagai Hj. Shafie Kayem bin Hj. Manaf. Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati bahawa wali nasab yang juga merupakan abang kandung Pemohon 2, iaitu Anuar bin Sabri, hadir dalam majlis akad nikah tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa syarat untuk berpindah kepada Wali Hakim sebenarnya tidak wujud kerana wali nasab yang layak masih berada di tempat akad dan tidak mempunyai sebarang

halangan untuk melaksanakan perwalian. Berdasarkan fakta tersebut, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor memutuskan bahawa penggunaan Wali Hakim adalah tidak menepati hukum syarak, seterusnya memerintahkan supaya perkahwinan tersebut difaraqkan.

Kes ini memperlihatkan bahawa pematuhan terhadap syarat-syarat perwalian bukan sekadar memenuhi aspek formaliti akad, bahkan menjadi asas kepada kesahan sesuatu perkahwinan menurut hukum syarak dan undang-undang. Sebarang pelanggaran terhadap prinsip tersebut boleh mengakibatkan akad nikah terbatal serta membuka ruang kepada Mahkamah Syariah untuk mengisytiharkan *faraq* demi memelihara integriti institusi perkahwinan Islam.

Kaedah Sabitan Nasab Menurut Hukum Syarak

Nasab merupakan suatu hak yang diberikan perhatian khusus oleh syariat Islam kerana berkait rapat dengan pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*), sekali gus menentukan pelbagai implikasi hukum seperti perwalian, pewarisan, nafkah dan hubungan kekeluargaan. Oleh itu, syarak telah menetapkan beberapa asas yang boleh dijadikan sandaran dalam mensabitkan hubungan nasab antara seorang anak dengan bapanya.

Perkahwinan yang Sahih

Perkahwinan yang memenuhi segala rukun dan syarat yang ditetapkan syarak merupakan asas utama dalam pensabitan nasab. Sesuatu perkahwinan dianggap sah apabila akad nikah dilaksanakan mengikut hukum syarak, berlaku persetubuhan antara pasangan suami isteri serta kelahiran anak berlaku dalam tempoh yang diiktiraf syarak. Walaupun pasangan hanya sempat hidup bersama dalam tempoh yang singkat, keadaan tersebut tidak menjejaskan sabitan nasab sekiranya syarat-syarat berkenaan dipenuhi.

Prinsip ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

Terjemahan: Anak itu dinasabkan kepada pemilik tempat tidur (suami yang sah), manakala bagi penzina hanyalah hukuman rejam.

(Al-Bukhari, 2001, Hadis No. 2053)

Berkaitan tempoh minimum kehamilan, jumhur ulama bersepakat bahawa seseorang anak hanya boleh dinasabkan kepada suami sekiranya kelahirannya berlaku selepas genap enam bulan daripada tarikh akad nikah (Uqlah, 1989). Peruntukan ini turut diterima dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Sebagai contoh, Seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan bahawa anak yang dilahirkan melebihi enam bulan *qamariah* daripada tarikh perkahwinan, atau dalam tempoh empat tahun *qamariah* selepas pembubaran perkahwinan akibat kematian atau perceraian, hendaklah disifatkan sebagai anak kepada bekas suami, dengan syarat wanita tersebut tidak berkahwin semula. Walau bagaimanapun, suami masih diberi hak untuk menafikan nasab tersebut melalui proses *li'an* di hadapan Mahkamah.

Sebaliknya, Seksyen 112 enakmen yang sama memperuntukkan bahawa anak yang dilahirkan selepas tempoh empat tahun *qamariah* daripada pembubaran perkahwinan tidak lagi dianggap sebagai anak kepada bekas suami, melainkan jika lelaki tersebut atau warisnya sendiri mengesahkan bahawa anak berkenaan ialah anak kandungnya.

Selain sabitan melalui perkahwinan yang sah, undang-undang juga mengiktiraf pensabitan nasab melalui pengakuan (*iqrar*). Dalam hal ini, Seksyen 115 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 menetapkan bahawa pengakuan seseorang lelaki terhadap seorang anak hanya diterima apabila memenuhi beberapa syarat, antaranya tiada individu lain yang disifatkan sebagai bapa kepada anak tersebut, perbezaan umur yang munasabah antara kedua-duanya, persetujuan anak sekiranya telah baligh, kemungkinan wujudnya perkahwinan yang sah antara lelaki dengan ibu anak ketika berlaku persenyawaan, pengakuan dibuat terhadap anak yang sah taraf, pengaku dibuat oleh individu yang berkeupayaan dari sudut undang-undang serta pengakuan tersebut jelas bertujuan mengesahkan taraf kesahatarafan anak berkenaan.

Setelah segala syarat tersebut dipenuhi dan pengakuan itu disahkan oleh Mahkamah, pengakuan tersebut menjadi muktamad dan tidak boleh ditarik balik. Prinsip ini diperuntukkan secara jelas dalam Seksyen 120 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan bahawa pengakuan atau pengesahan mengenai hubungan bapa dan anak, mahupun hubungan kekeluargaan, tidak boleh dibatalkan setelah disahkan.

Perkahwinan yang Fasid

Selain perkahwinan yang sah, perkahwinan fasid juga mempunyai implikasi terhadap pensabitan nasab. Perkahwinan fasid merujuk kepada akad nikah yang tidak memenuhi salah satu syarat sah perkahwinan, seperti ketiadaan saksi atau kecacatan lain yang menjejaskan kesahihan akad. Dalam keadaan sedemikian, perkahwinan tersebut wajib difaraqkan oleh Mahkamah.

Walaupun demikian, jumhur ulama berpendapat bahawa anak yang lahir hasil daripada perkahwinan fasid masih boleh dinasabkan kepada bapanya sekiranya telah berlaku persetubuhan sebenar antara pasangan dan anak tersebut dilahirkan sekurang-kurangnya enam bulan selepas persetubuhan tersebut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa syariat lebih mengutamakan pemeliharaan nasab anak yang lahir dalam keadaan terdapat syubhah hubungan suami isteri, berbanding membiarkan status nasabnya tergantung tanpa kepastian.

Prinsip tersebut dapat diperhatikan dalam kes *Wan Hashim bin Wan Ahmad dan Seorang Lagi lwn Zaidah binti Mohamed Saleh* (Kes Mal Bil. 04100-012-0519-2009). Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah Melaka memerintahkan pasangan tersebut difaraqkan kerana perkahwinan mereka didapati tidak sah menurut hukum syarak. Walaupun bapa pihak perempuan memberikan persetujuan terhadap perkahwinan itu, pasangan gagal membuktikan kelayakan jurunikah yang mengakadnikahkan mereka. Di samping itu, wujud percanggahan pada lafaz akad yang dikemukakan oleh pihak-pihak serta saksi, selain kegagalan mendapatkan kebenaran menggunakan wali Raja atau Wali Hakim daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Oleh sebab itu, Mahkamah menolak permohonan untuk mengiktiraf serta mendaftarkan perkahwinan tersebut di bawah Seksyen 12(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002. Kes ini memperlihatkan bahawa kesahan sesuatu akad nikah hendaklah dibuktikan melalui pematuhan terhadap kehendak syarak dan peruntukan undang-undang sebelum sesuatu perkahwinan diberikan pengiktirafan oleh Mahkamah.

Persetubuhan Syubhah

Persetubuhan syubhah merujuk kepada hubungan kelamin yang berlaku tanpa niat melakukan maksiat, sebaliknya dilakukan berdasarkan sangkaan bahawa hubungan tersebut adalah sah di sisi syarak. Keadaan ini lazimnya berlaku sama ada akibat kesilapan (*khata'*) atau kerana pasangan mempercayai bahawa akad perkahwinan yang dilangsungkan memenuhi kehendak syarak, sedangkan hakikatnya akad tersebut adalah fasid atau tidak sah.

Oleh sebab wujud unsur syubhah yang menafikan unsur jenayah zina secara sengaja, maka hukuman hudud tidak boleh dikenakan terhadap pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, apabila terbukti perkahwinan tersebut tidak memenuhi kehendak hukum syarak, Mahkamah hendaklah memerintahkan faraq antara pasangan berkenaan bagi menamatkan hubungan yang tidak sah itu. Meskipun demikian, syarak tetap memelihara hak anak yang lahir daripada persetubuhan syubhah dengan menasabkannya kepada lelaki yang terlibat sebagai bapanya. Peruntukan mengenai persetubuhan syubhah dijelaskan dalam Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang mentakrifkannya seperti berikut:

Persetubuhan yang dilakukan atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (fasid) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum Had dalam Islam.

Selaras dengan prinsip tersebut, Seksyen 114 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 turut memperuntukkan bahawa sekiranya seorang lelaki melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang perempuan, kemudian perempuan tersebut melahirkan anak dalam tempoh tidak kurang daripada enam bulan qamariah dan tidak melebihi empat tahun *qamariah* daripada tarikh persetubuhan tersebut, maka lelaki berkenaan hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu.

Peruntukan ini memperlihatkan bahawa hukum syarak bukan sahaja membezakan persetubuhan syubhah daripada zina, bahkan turut memberikan perlindungan terhadap nasab dan hak anak yang lahir daripada hubungan tersebut.

Kedudukan Perwalian Anak Tidak Sah Taraf: Analisis Peruntukan Perundangan dan Aplikasi Kes di Negeri Sembilan

Menurut hukum syarak, seseorang anak yang dilahirkan hasil hubungan di luar perkahwinan yang sah, serta bukan daripada perkahwinan sah, fasid atau persetubuhan syubhah, dikategorikan sebagai anak tidak sah taraf. Anak tersebut tidak mempunyai hubungan nasab dengan lelaki yang menyebabkan kelahirannya dan, oleh itu, lelaki berkenaan tidak mempunyai kelayakan untuk bertindak sebagai wali dalam akad perkahwinannya. Sekiranya akad nikah dilangsungkan menggunakan wali yang tidak mempunyai hubungan nasab yang sah tanpa pengetahuan pihak perempuan, perkahwinan tersebut adalah tidak memenuhi kehendak syarak dan hendaklah difaragkan. Bagi memastikan kesahan akad nikah, wali hakim atau Wali Raja hendaklah digunakan sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 7(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukkan:

Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang tidak mempunyai wali daripada nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.

Peruntukan tersebut memperlihatkan bahawa kuasa perwalian hanya boleh diberikan kepada individu yang mempunyai hubungan nasab yang diiktiraf oleh hukum syarak. Perkara ini diperkukuhkan lagi melalui seksyen 2 Enakmen yang mentakrifkan “nasab” sebagai “keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah”. Justeru, kewujudan nasab yang sah merupakan syarat asas bagi melayakkan seseorang menjadi wali dalam sesuatu akad perkahwinan. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mengisytiharkan akad nikah itu tidak sah melalui perintah *faraq*.

Rekod kes di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa isu perwalian oleh wali yang tidak mempunyai hubungan nasab yang sah bukan sekadar bersifat teori, bahkan telah berlaku dalam amalan. Bagi tempoh antara tahun 2006 hingga 2016, sebanyak kira-kira 40 kes *faraq* perkahwinan direkodkan di negeri tersebut. Majoriti kes melibatkan kesalahan langkau wali, manakala enam kes atau sekitar 15 peratus berpunca daripada penggunaan wali yang sebenarnya tidak mempunyai hubungan nasab yang sah dengan pengantin perempuan. Walaupun jumlahnya lebih kecil berbanding kategori lain, keadaan ini tidak boleh dipandang ringan kerana berpotensi meningkat sekiranya masyarakat tidak diberikan kefahaman yang mencukupi mengenai syarat-syarat sah perwalian dalam perkahwinan.

Antara kes yang pernah diputuskan ialah melibatkan Rohayu binti Idris dan Abd. Karim bin Hamzah (bukan nama sebenar). Pasangan tersebut bernikah pada 1 Jun 2006 dengan bapa Rohayu bertindak sebagai wali. Walau bagaimanapun, selepas perkahwinan berlangsung, Rohayu dimaklumkan oleh ibunya bahawa beliau telah dikandung sebelum akad nikah ibu bapanya disempurnakan. Rekod menunjukkan ibu bapanya berkahwin pada 27 Jun 1981, manakala Rohayu dilahirkan pada 22 Januari 1982, iaitu kurang daripada tempoh minimum enam bulan qamariah yang melayakkan seseorang anak dinasabkan kepada bapanya menurut hukum syarak. Setelah fakta tersebut dibuktikan di Mahkamah Syariah, Mahkamah memerintahkan *faraq* pada 27 Januari 2015 serta menetapkan idah selama tiga kali suci.

Keadaan yang hampir sama turut berlaku dalam kes Zakiah binti Zahrin dan Alim bin Abdul Razak (bukan nama sebenar). Perkahwinan mereka yang berlangsung pada 1 Julai 2013 menggunakan bapa Zakiah sebagai wali. Namun, penelitian terhadap tarikh perkahwinan ibu bapanya pada 6 Januari 1979 dan tarikh kelahiran Zakiah pada 5 Februari 1979 menunjukkan bahawa tempoh kelahiran adalah kurang daripada enam bulan selepas akad nikah yang sah. Oleh yang demikian, Zakiah tidak mempunyai hubungan nasab dengan bapanya menurut hukum syarak. Mahkamah Syariah kemudiannya memutuskan supaya perkahwinan tersebut difaragkan pada 17 Julai 2013 dengan idah tiga kali suci.

Selain itu, Mahkamah Syariah turut memutuskan *faraq* dalam kes Norasiah binti Abd. Rahman dan Mohd. Nasir Mohd. Rosly (bukan nama sebenar). Dalam kes ini, Norasiah merupakan anak tidak sah taraf, namun akad nikahnya telah dilangsungkan menggunakan abang kandung sebagai wali, sedangkan wali yang sepatutnya ialah wali hakim. Setelah menilai segala keterangan yang dikemukakan, Mahkamah Syariah memerintahkan pembubaran perkahwinan tersebut melalui *faraq* pada 10 Januari 2012 walaupun pasangan berkenaan telah hidup sebagai suami isteri hampir empat tahun.

Situasi yang sama dapat dilihat dalam kes Nor Safiah binti Zulkifli dan Muhammad Sofi bin Amran (bukan nama sebenar). Bapa Safiah telah menjadi wali ketika akad nikah sedangkan beliau tidak mempunyai hubungan nasab yang sah dengannya. Rekod menunjukkan ibu bapanya berkahwin pada 12 Oktober 1985, manakala Safiah dilahirkan pada 30 Januari 1986, iaitu kurang daripada empat bulan selepas akad nikah. Fakta tersebut membuktikan bahawa kandungan telah wujud sebelum akad nikah dilangsungkan, sekali gus menyebabkan Safiah tidak boleh dinasabkan kepada bapanya. Berasaskan fakta tersebut, Mahkamah Syariah memerintahkan *faraq* pada 18 Mei 2011.

Selain kes-kes tersebut, keputusan yang sama turut direkodkan dalam kes Muhammad Razin bin Hassan dan Nurul Farhana binti Lokman serta Munirah binti Nordin dan Abd. Rahim bin Yusof (bukan nama sebenar). Kedua-dua kes berakhir dengan perintah *faraq* setelah Mahkamah Syariah berpuas hati bahawa akad nikah telah dijalankan menggunakan wali yang tidak mempunyai hubungan nasab yang sah menurut hukum syarak. Kes-kes ini memperlihatkan bahawa pematuhan terhadap syarat perwalian bukan sekadar memenuhi kehendak perundangan, malah berperanan penting dalam memastikan kesahan sesuatu akad perkahwinan serta memelihara *Maqasid al-Syariah* berkaitan keturunan (*hifz al-nasl*).

Punca-Punca berlakunya Isu Perwalian Anak Tak Sah Taraf di Negeri Sembilan

Analisis terhadap kes-kes yang dikaji menunjukkan bahawa berlakunya isu perwalian anak tak sah taraf di Negeri Sembilan bukan berpunca daripada satu faktor semata-mata, sebaliknya dipengaruhi oleh beberapa aspek yang saling berkaitan. Antaranya ialah tahap kefahaman hukum yang rendah dalam kalangan masyarakat, kelemahan kandungan modul pendidikan praperkahwinan serta kekurangan dari sudut prosedur dan mekanisme penguatkuasaan undang-undang. Faktor-faktor ini secara langsung menyumbang kepada berlakunya akad nikah yang tidak memenuhi kehendak syarak sehingga memberi implikasi terhadap kesahan perkahwinan dan penentuan nasab.

Keterbatasan Kefahaman Hukum Berkaitan Perwalian

Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah kurangnya penguasaan ilmu berkaitan hukum perwalian dalam kalangan masyarakat. Sebahagian individu masih belum memahami bahawa kelayakan seseorang untuk menjadi wali bukan sekadar berdasarkan hubungan kekeluargaan, bahkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Kekeliruan ini menyebabkan terdapat wali yang melaksanakan akad nikah sedangkan mereka tidak mempunyai kelayakan dari sudut hukum, khususnya dalam kes yang melibatkan anak tak sah taraf.

Selain itu, pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga juga sewajarnya mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai kepentingan wali nasab serta implikasi hukum sekiranya akad nikah dilangsungkan oleh wali yang tidak sah. Kegagalan memahami perkara ini bukan sahaja menjejaskan kesahan akad nikah, bahkan boleh membawa kepada keperluan pemisahan (*faraq*) serta memberi kesan terhadap penentuan nasab anak. Oleh itu, usaha memperkukuh pendidikan hukum munakahat, khususnya berkaitan perwalian dan status anak tak sah taraf, perlu dipertingkatkan melalui pendidikan formal, program kesedaran masyarakat dan kursus-kursus praperkahwinan.

Penambahbaikan Kandungan Modul Kursus Praperkahwinan

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah kandungan modul kursus praperkahwinan yang masih kurang memberi penekanan terhadap isu-isu kontemporari berkaitan perwalian anak tak sah taraf. Walaupun kursus tersebut bertujuan memberikan pendedahan awal kepada bakal pasangan, perbincangan mengenai implikasi hukum, prosedur perwalian serta kesan terhadap kesahan akad nikah masih memerlukan penambahbaikan agar lebih komprehensif dan selaras dengan realiti semasa.

Peningkatan kes kelahiran anak luar nikah dalam kalangan masyarakat Islam menuntut agar kandungan modul praperkahwinan dikaji semula secara berkala. Sehubungan itu, Jabatan Agama Islam Negeri wajar menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta institusi lain yang berkepentingan bagi menghasilkan modul yang lebih menyeluruh, praktikal dan responsif terhadap cabaran semasa. Pendekatan ini diyakini mampu meningkatkan kefahaman bakal pasangan sebelum melangsungkan perkahwinan.

Keperluan Memperkukuh Prosedur dan Penguatkuasaan Undang-Undang

Di samping faktor pendidikan, aspek pentadbiran dan penguatkuasaan turut memainkan peranan penting dalam menangani isu perwalian anak tak sah taraf. Prosedur pengesahan kelayakan wali yang sedia ada dilihat masih boleh diperkembangkan bagi mengurangkan risiko berlakunya akad nikah yang tidak memenuhi kehendak syarak. Sebagai contoh, proses pengesahan status wali boleh diperkukuhkan melalui penelitian dokumen sokongan serta pengesahan daripada ahli keluarga terdekat yang mengetahui latar belakang nasab pihak yang berkenaan.

Selain itu, aspek penguatkuasaan undang-undang juga wajar diberikan perhatian. Peruntukan sedia ada, khususnya di bawah seksyen 39 dan seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, dilihat memerlukan penilaian semula agar lebih bersesuaian dengan perkembangan semasa. Penguatkuasaan yang lebih berkesan serta hukuman yang bersifat mendidik mampu meningkatkan tahap pematuan masyarakat terhadap prosedur perkahwinan dan seterusnya mengelakkan berulangnya kes-kes perwalian yang menyalahi ketetapan syarak. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan menghukum, bahkan berperanan sebagai langkah pencegahan bagi memelihara kesucian institusi perkahwinan dan kepastian nasab menurut hukum Islam.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa isu perwalian melibatkan anak tidak sah taraf merupakan antara cabaran kontemporari yang memberi implikasi besar terhadap kesahan akad nikah, pensabitan nasab serta pemeliharaan institusi kekeluargaan menurut hukum syarak. Analisis terhadap kes-kes faraq di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa kebanyakan permasalahan berpunca daripada kelemahan kefahaman masyarakat mengenai hukum perwalian, ketidakcukupan pendedahan dalam pendidikan praperkahwinan serta kekangan dari sudut prosedur pengesahan dan penguatkuasaan undang-undang. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan risiko berlakunya akad nikah yang tidak sah, bahkan boleh menjejaskan hak-hak syarie pihak-pihak yang terlibat serta menggugat objektif Syariah dalam memelihara keturunan (*hifz al-nasl*).

Sehubungan itu, pendekatan penyelesaian yang bersifat menyeluruh dan bersepadu perlu dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak berkepentingan. Selain memperkukuh peranan Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri dalam memperluaskan pendidikan hukum berkaitan nasab dan perwalian, kandungan modul kursus praperkahwinan juga wajar dikemas kini agar lebih responsif terhadap isu-isu semasa. Pada masa yang sama, mekanisme pengesahan status wali sebelum sesuatu akad nikah dilangsungkan hendaklah diperkasakan melalui semakan dokumen yang lebih sistematik, perakuan pengesahan nasab serta penambahbaikan prosedur pentadbiran. Di samping itu, penilaian semula terhadap peruntukan undang-undang dan bentuk penguatkuasaan yang lebih efektif perlu dipertimbangkan sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan pengulangan kes yang sama.

Keseluruhannya, pemeliharaan kesahan perwalian bukan sekadar memenuhi tuntutan prosedur perkahwinan, bahkan merupakan mekanisme penting dalam memastikan kelangsungan institusi keluarga Islam yang sah, terpelihara nasabnya dan selaras dengan prinsip maqasid al-Syariah. Oleh itu, usaha berterusan dalam aspek pendidikan, pentadbiran dan penguatkuasaan merupakan prasyarat utama bagi menjamin setiap akad nikah dilaksanakan mengikut kehendak syarak serta mengelakkan berlakunya kes faraq akibat kecacatan pada rukun perwalian pada masa hadapan.

Rujukan

- Ahmad, A. (1983). *Maudū' al-nasab fī al-syarī'ah wa al-qānūn*. Dar al-Qalam.
- Al-Jauhariyy, I. (1984). *Tāj al-lughah wa shihāḥ al-'Arabiyyah*. Dar al-'Ilm li al-Malāyīn.
- Al-Khafif, A. (2008). *Furaq al-zawāj fī al-madhāhib al-Islāmiyyah*. Dar al-Fikr al-'Arabī.
- Al-Zuhaili, W. (2007). *Al-fiqh al-Islāmī wa adillatuh* (Vol. 9). Dar al-Fikr.
- Berita Harian. (2016, September 13). *Anak tak sah taraf didaftar sejak 2013: JPN*. Berita Harian.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen No. 11 Tahun 2003).
- Ibn Rushd, M. A. (1996). *Bidāyat al-mujtahid wa nihāyat al-muqtaṣid*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim Mustafa, Abdul Qadir, H., Al-Zayyat, A. H., & Najjar, M. A. (1989). *Al-Mu'jam al-wasīf*. Dar al-Nadwah.
- Ismail, S. Z., & Awang Mat, M. Z. (2016). Konsep sakinah, mawaddah dan rahmah sebagai asas kebahagiaan rumahtangga menurut al-qur'an: Suatu analisis berdasarkan ayat 21 Surah al-Rum. *Al-Bayan Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 14(1), 206-222. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340039>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017). "Faraq". <http://www.islam.my/sites/default/files/faraq.pdf>
- Khairani. (2020). Faraq dalam pernikahan sindiket di Johor Malaysia dan relevansinya dengan penanganan nikah sirri di Indonesia. *Jurnal Hukum Islam dan Syariah*, 2(1), 45–62.
- Uqlah, M. (1990). *Nizām al-usrah fī al-Islām*. Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdullah, A. A., & Ahmad, M. Y. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*, 13(1), 124–134. <https://doi.org/10.24035/ijit.13.2018.012>
- Wan Ismail, W. A. F., Syed Husin, S. N., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., & Alias, M. A. A. (2022a). Konsep perkahwinan menurut perspektif fiqh dan undang-undang Islam di Malaysia. In *Proceedings of SWAN*, (pp. 14–28).
- Wan Ismail, W. A. F., Mamat, Z., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., & Alias, M. A. A. (2022b). Perwalian dan isu berkaitan dengannya menurut syarak dan perundangan Islam di Malaysia. In *Proceedings of SWAN*, (pp. 1-13).